


**KESELAMATAN MANUSIA DAN BURUH
KANAK-KANAK INDONESIA DI SEKTOR
PERLADANGAN KELAPA SAWIT
DI SABAH**




DEWI HERVIANI

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

**KESELAMATAN MANUSIA DAN BURUH
KANAK-KANAK INDONESIA DI SEKTOR
PERLADANGAN KELAPA SAWIT
DI SABAH**

DEWI HERVIANI



UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa karya ini merupakan hasil karya saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

24 Februari 2014

Dewi Herviani
PA20118135



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **DEWI HERVIANI**
NO MATRIK : **PA2011-8135**
TAJUK : **KESELAMATAN MANUSIA DAN BURUH KANAK-KANAK INDONESIA DI SEKTOR PERLADANGAN KELAPA SAWIT DI SABAH**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA (HUBUNGAN ANTARABANGSA)**
TARIKH VIVA : **24 FEBRUARI 2014**

DISAHKAN OLEH


1. PENYELIA UTAMA
Encik Ramli Dollah

UMMS Tandatangan
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2. PENYELIA BERSAMA
Prof. Madya Dr. Kntayya Mariappan _____

ABSTRAK

Dalam sistem politik hubungan antarabangsa, terutamanya dalam isu kajian keselamatan melihat bahawa buruh kanak-kanak sebagai kumpulan yang lemah dan mudah terdedah kepada pelbagai ancaman. Dalam hal ini, buruh kanak-kanak yang berkembang di seluruh dunia merupakan mangsa eksploitasi dan penindasan yang paling kentara di dunia pada hari ini. Kajian ini cuba melihat buruh kanak-kanak Indonesia di Sabah merupakan satu hasil akibat daripada kebanjiran pendatang di negeri ini. Seiring dengan itu, kewujudan buruh kanak-kanak Indonesia di sektor perladangan di Sabah merupakan fenomena yang patut diambilkira sebagai isu yang sangat penting kerana ia mengancam keselamatan kanak-kanak. Untuk itu, pendekatan Keselamatan Manusia (*Human Security*) merupakan konsep yang tepat untuk mengupas faktor kewujudan dan aktiviti buruh kanak-kanak ini serta ancaman yang mereka hadapi. Dengan menggunakan metode kualitatif dan mengambil tiga kawasan kajian iaitu Tawau, Lahad Datu dan Sandakan, kajian ini mendapati bahawa buruh kanak-kanak Indonesia tidak mengetahui mereka bekerja dalam kondisi yang dianggap tidak dibenarkan, bahaya dan dieksploitasi sepenuhnya. Justru, mereka jelas mengalami situasi kehidupan yang tidak sejajar dengan prinsip *freedom from fear* dan *freedom from want*. Oleh yang demikian dapatan kajian ini membangkitkan persoalan peranan yang boleh dimainkan oleh aktor-aktor diperingkat makro dan mikro dalam menangani isu keselamatan buruh kanak-kanak Indonesia di sektor perladangan kelapa sawit di Sabah.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

HUMAN SECURITY AND CHILD LABOUR IN PALM OIL PLANTATION SECTOR IN SABAH

Within the political systems of International Relations, particularly in the study on Security, child labor is seen as weak and easily exposed to various threats. Child labor is a global issue which is actually another form of prey which is caused from human exploitation and oppressions. This research tries to seek the impact from the Indonesian child laboring in Sabah as it was resulting from the influx of immigrants in this country. Prior to that, the existence of Indonesian child labor in the plantation sector in Sabah is a phenomenon that should be considered as a very critical issue as it threatens the safety of the children. The human security approach is an ideal concept to analyze the factors of the existence and activities of child labor as well as the threats to them. By acquiring the qualitative methods and an observation study at three districts namely: Tawau, Lahad Datu and Sandakan; the study found that the Indonesian child labor does not know that they are working in unauthorized conditions, dangerous and been exploited. As such, they are obviously experiencing threatening life situations that are not in line with the principle of freedom from fear and freedom from want. Therefore, the findings from this study raised the importance of playing the role among the "actors" in macro and micro level to deal with security issues among the Indonesian child labor at the palm plantations in Sabah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah wa Shalaawatu wa Salaamu 'ala Rasulillah. Puji syukur Kehadirat Allah *Subhanallah wa Ta'Ala* kerana atas limpahan Rahmat, Berkah dan Hidayah Nya lah saya dapat membuat dan menamatkan kajian mengenai Keselamatan Manusia di Malaysia : Kajian Kes Buruh kanak-kanak Indonesia di Sektor Perladangan Kelapa Sawit di Sabah pada peringkat Sarjana.

Penghargaan tertinggi saya tujukan khas kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) atas limpahan ilmu pengetahuan yang telah didapatkan dalam Universiti ini. Terimakasih tak terhingga saya tujukan kepada Encik Ramli Dollah selaku Penyelia Utama dan Prof. Madya Dr. Kntayya Mariappan sebagai Penyelia Bersama, yang penuh dengan keikhlasan dan kesabaran menyelia, tunjuk ajar, dan petuah nasihat untuk mendorong kejayaan saya dalam menulis tesis ini. Terimakasih kepada Naib Cancellor, Dekan, Timbalan-Timbalan Dekan, Program Hubungan Antarabangsa, Pensyarah-pensyarah dan seluruh Kakitangan Sekolah Sains Sosial, juga *Centre for Postgraduate UMS* kerana telah galakan-galakan membina yang diberikan.

Terima kasih kepada Provinsi Kalimantan Timur melalui Program *Beasiswa Kaltim Cemerlang* yang telah membiayai penyelidikan ini. Terima kasih kepada Konsulat Jeneral Republik Indonesia (KJRI) Kota Kinabalu: Bapak H. Soepeno Sahid, Bapak H. Iman Rokhadi; Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI): Bapak Marsekal (Purn) Herman Prayitno; Jabatan Imigresyen Cawangan Sabah: Encik Amir Shah; Jabatan Pelajar Negeri Sabah: Encik Moh. Azman, SUHAKAM: Tan Sri Simon Sipaun, PPIM-S, Encik Wan Shawaludin Wan Hassan, Dr. Zaini Othman Encik Khair Asis dan Encik Eko Prayitno serta kepada seluruh kawan-kawan pelajar Pasca Siswazah Sekolah Sains Sosial dan seluruh pihak yang telah membantu dalam kajian ini.

Ribuan cinta yang teristimewa untuk keluarga saya: Ayahanda Heriansyah SE, dan Ibunda Alfrida, SE dan juga kepada saudari penulis iaitu Deasy Herdania Sp dan Galuh Charina Herianty SKep dengan segala pengorbanan dan sentiasa mendoakan bagi kesejahteraan serta kejayaan penulis. *Last but not least* keluarga sekaligus sahabat tercinta Eny Listiany, Emilia, Ika Friztiyawati, Suci Yuniarti, Rakhmi, Irham Rizani, Pak Havaluddin, Pak Hendra, Rudiman terima kasih atas segala kesabaran, kepedulian, cinta dan keikhlasan selama menjalani pengajian.

Penghargaan sebesar-besarnya untuk semua pihak sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan tesis ini. Semoga menjadi amal shaleh sehingga Allah meridhoi kita semua. Amin.

Dewi Herviani
Hubungan Antarabangsa, Sekolah Sains Sosial.
Universiti Malaysia Sabah.
2014.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	I
PENAKUAN	II
PENGESAHAN	III
PENGHARGAAN	IV
ABSTRAK	V
ABSTRACT	VI
SENARAI KANDUNGAN	VII
SENARAI JADUAL	XII
SENARAI GAMBAR	XIII
SENARAI RAJAH	XV
SENARAI SINGKATAN	XVI
SENARAI LAMPIRAN	XVIII
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Skop	8
1.5 Definisi Kendalian	9
1.5.1 Buruh Kanak-Kanak	9
1.5.2 Sektor Perladangan	10
1.5.3 Keselamatan Manusia	11
1.5.4 <i>Freedom from Fear</i>	12
1.5.5 <i>Freedom from Want</i>	12
1.6 Sorotan Literatur	12
1.6.1 Buruh Kanak-Kanak	12
1.6.2 Buruh Kanak Kanak di Malaysia	17
1.7 Kerangka Konseptual	20
1.8 Metod Kajian	24
1.8.1 Kaedah Pemilihan Kawasan Kajian	26
1.8.2 Kaedah Pemilihan Responden	26
1.8.3 Kaedah Pemilihan Data	26
a. Temubual Mendalam (<i>In Depth Interview</i>)	27
b. Pemerhatian langsung	29
c. Dokumentasi	29
1.8.4 Kaedah Analisis Data	30
1.9 Kepentingan Kajian	32
1.10 Limitasi Kajian	33
1.11 Pembahagian Bab	33
1.12 Kesimpulan	34

BAB 2: KESELAMATAN MANUSIA DAN BURUH KANAK-KANAK

2.1	Pengenalan	36
2.2	Pendekatan Keselamatan	36
2.2.1	Debat Keselamatan Semasa Perang Dingin (1945-1990)	40
2.2.2	Debat Keselamatan Selepas Perang Dingin (1990-Kini)	42
2.3	Keselamatan Manusia	46
2.3.1	UNDP (<i>United Nations Development Programme</i>)	49
2.3.2	<i>Freedom from Fear</i>	52
2.3.3	<i>Freedom From Want</i>	52
2.3.4	Debat Keselamatan Manusia	54
2.4	Cabaran Konsep Keselamatan Manusia	58
2.5	Keselamatan Manusia dan Buruh Kanak-Kanak	63
2.6	Penjenisan Buruh Kanak-Kanak	67
2.6.1	Kerja Berbahaya (<i>Worst Forms</i>) dan Eksploitasi	70
2.6.2	Perbezaan antara Buruh Kanak-kanak dan Kanak-Kanak Bekerja	72
2.6.3	Perundangan Buruh Kanak-Kanak	74
a.	Pertubuhan Antarabangsa	74
b.	Dasar di Malaysia	75
c.	Undang-Undang Indonesia	77
2.7	Kesimpulan	79

BAB 3: LATAR BELAKANG KEWUJUDAN BURUH KANAK-KANAK INDONESIA DI SABAH

3.1	Pengenalan	80
3.2	Asal Mula Kedatangan TKI dan Buruh Kanak-Kanak di Kawasan Kajian	80
3.3	Buruh Kanak-Kanak di Kawasan Kajian	87
3.4	Sistem Pengupahan dalam Sektor Perladangan Kelapa Sawit Sabah	96
3.4.1	Sistem Gaji	97
3.4.2	Sistem Kontrak	98
3.5	Faktor Penyebab Kewujudan Buruh Kanak-Kanak	100
3.5.1	Faktor ekonomi	100
a.	Kemiskinan	100
b.	Menjana Diri dan Keluarga	102
c.	Imigrasi	103
d.	Penawaran dan Permintaan	105
3.5.2	Faktor Sosial	106
3.5.3	Faktor Budaya	109
3.6	Kesimpulan	112

BAB 4: KEADAAN LADANG KELAPA SAWIT DAN PEKERJAAN BURUH KANAK-KANAK

4.1	Pengenalan	114
4.2	Kawasan Kajian	115
4.3	Keadaan Ladang	118
4.3.1	Perumahan	118
4.3.2	Pusat Asuhan Kanak-Kanak	121
4.3.3	Klinik	122
4.3.4	Pembekalan Air dan Elektrik	123
4.3.5	Kemudahan Rekreasi	125
4.3.6	Kemudahan Sekolah	125
4.4	Aktiviti Waktu Bekerja	130
4.5	Jenis Kerja	133
4.5.1	Mengutip Buah Lerai	133
4.5.2	Menebas Rumput	138
4.5.3	Menuai Buah Kelapa Sawit	141
4.5.4	Menyembur Racun	144
4.5.5	Menebar Baja	146
4.5.6	Pemeriksaan Pokok	148
4.5.7	Pembersihan Kolam	149
4.6	Sistem Pengupahan Buruh Kanak-Kanak	150
4.7	Aktiviti Di Luar Waktu Kerja	153
4.7.1	Bersekolah	153
4.7.2	Bermain	156
4.7.3	Membantu Keluarga	157
4.7.4	Gaji Hujung Bulan	157
4.8	Kesimpulan	158

BAB 5: IMPLIKASI KESELAMATAN MANUSIA TERHADAP BURUH KANAK-KANAK INDONESIA DI SABAH

5.1	Pengenalan	160
5.2	Bentuk Ancaman	161
5.2.1	Kerja Penuh Masa dan Upah Rendah	163
5.2.2	Kawasan dan Kerja yang Berbahaya	167
a.	Pekerjaan Berat dan Memerlukan Ketahanan Fizikal	167
b.	Bekerja pada Cuaca Ekstrem	167
c.	Risiko Jatuh dan Cedera ketika Bekerja	168
d.	Penggunaan Peralatan yang Berbahaya	168
e.	Risiko Kecederaan Akibat Kenderaan Dan Jentera Berat	169
f.	Bahaya Racun dan Baja Urea	169
5.2.3	Makanan dan Pemakanan yang Terhad	171
5.2.4	Akses Kesihatan dan Persekolahan	175
5.2.5	Ancaman Pemerdagangan Manusia	176
5.3	Aspek Keselamatan Manusia UNDP	179
5.4	Perlindungan dan Pemeraksanaan	181
5.4.1	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu	184

5.4.2	Pertubuhan bukan Kerajaan	185
5.4.3	Pemerintah Indonesia	187
5.4.4	Kerajaan Malaysia	195
5.4.5	Pihak Ibu Bapa/ Keluarga	200
5.4.6	Pihak Ladang	202
5.4	Kesimpulan	205

Bab 6: PENUTUP

6.1	Pendahuluan	206
6.2	Perbincangan Penemuan Kajian	206
6.3	Aplikasi Kerangka Konseptual	211
6.4	Cadangan	213
6.5	Rumusan Kajian	217

RUJUKAN	220
LAMPIRAN	240



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 : Tenaga Kerja Indonesia di Sabah	82
Jadual 3.2 : Jumlah Buruh Kanak-Kanak di Kawasan Kajian 1 Daerah Tawau	87
Jadual 3.3 : Jumlah Buruh Kanak-Kanak Di Kawasan Kajian 2 Ladang Kelapa Sawit Daerah Lahad Datu	88
Jadual 3.4 : Jumlah Buruh Kanak-Kanak Di Kawasan Kajian 3 Ladang Kelapa Sawit 3	89




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 3.1 : Kanak-kanak yang dititipkan di pusat penjagaan kanak-kanak setiap hari oleh ibu bapak mereka yang bekerja.	86
Gambar 3.2 : Buruh kanak-kanak di ladang kelapa sawit Daerah Lahad Datu	87
Gambar 3.3 : Tulisan oleh buruh kanak-kanak, Ilham (11 tahun) di sekolah Indonesia ladang kelapa sawit Sandakan	92
Gambar 3.4 : Temubual bersama Jon (14 tahun), buruh kanak-kanak Indonesia di ladang kelapa sawit 2 Daerah Lahad Datu.	95
Gambar 4.1 : Peta Kawasan Kajian Daerah Sandakan, Daerah Lahad Datu dan Tawau	117
Gambar 4.2 : Perumahan pekerja di ladang kelapa sawit di Tawau.	119
Gambar 4.3 : Perumahan pekerja Kawasan ladang Kelapa Sawit di Lahad Datu	120
Gambar 4.4 : Perumahan Pekerja Kawasan ladang Kelapa Sawit di daerah Sandakan	121
Gambar 4.5 : Tempat penjernih air di kawasan kajian ladang kelapa sawit Sandakan	122
Gambar 4.6 : Penampungan air minum di ladang kelapa sawit kawasan Tawau	123
Gambar 4.7 : tempat penjernih air di kawasan kajian ladang kelapa sawit Sandakan	124
Gambar 4.8 : Aktiviti persekolahan tingkat SD ladang kelapa sawit Sandakan	124
Gambar 4.9 : Aktiviti persekolahan tingkat SD ladang kelapa sawit Sandakan	127
Gambar 4.10 : Aktiviti sekolah SMP terbuka pada malam hari di kawasan ladang kelapa sawit Sandakan	127
Gambar 4.11 : Keadaan Persekolahan Humana di kawasan ladang kelapa sawit 1 Daerah Tawau	128
Gambar 4.12 : Situasi sekolah tingkat SMP di kawasan ladang kelapa sawit Tawau	129
Gambar 4.13 : Para pekerja di ladang kelapa sawit di Sandakan.	132
gambar 4.14 : Pengkaji dan Edy (buruh kanak-kanak) sedang mengutip buah lerai kelapa sawit di kawasan Ladang Kelapa Sawit Lahad Datu	134
Gambar 4.15 : Aslina, buruh kanak-kanak di Kawasan kajian Lahad Datu sedang mengutip buah lerai	135
Gambar 4.16 : Buah lerai yang telah dikumpulkan dan dimasukkan ke dalam karung	136
Gambar 4.17 : Kiki (14 tahun) buruh kanak-kanak di kawasan Daerah Sandakan	140
Gambar 4.18 : Fitrah (14 tahun) buruh kanak-kanak di ladang kelapa sawit 1 di Daerah Tawau	143
Gambar 4.19 : alat-alat yang digunakan pekerja di ladang kelapa sawit di Sabah	143


Gambar 4.20	: Alat yang digunakan untuk menyemburkan racun di kawasan ladang kelapa sawit Sandakan	146
Gambar 4.21	: Pekerja sedang memperlihatkan cara menebar baja di ladang kelapa sawit	147
Gambar 4.22	: Buruh kanak-kanak tengah membersihkan kolam	149
Gambar 4.23	: Buruh kanak-kanak tengah membersihkan kolam	149
Gambar 4.24	: Kanak-kanak di kawasan Sandakan bermain dipersekitaran perumahan mereka di waktu Petang	155
Gambar 4.25	: Kanak-kanak di kawasan Sandakan bermain dipersekitaran perumahan mereka di waktu Petang	156
Gambar 5.1	: Asrina sedang memakan bekalan makan siangnya berupa nasi putih dan sayur daun ubi.	174
Gambar 5.2	: Fitrah, buruh kanak-kanak di kawasan kajian 1 ladang kelapa sawit Daerah Tawau sedang membawa alat menuai	174
Gambar 5.3	: Murni (14 tahun) dan Lia (14 tahun), Buruh kanak-kanak Indonesia ladang kelapa sawit Daerah Sandakan	175



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	: Kerangka Konseptual Keselamatan Buruh Kanak-Kanak Indonesia di Sektor Perladangan Kelapa Sawit di Sabah	21
Rajah 1.2	: Model Analisis Kualitatif Miles dan Huberman	31
Rajah 6.1	: (1992) Rumusan Penemuan Kajian	211



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

AIDS	:	<i>Acquired Immunodeficiency syndrome</i>
AS	:	Amerika Syarikat
ASEAN	:	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
BCAS	:	<i>Borneo Child Aid Society</i>
BPTA	:	Pelarangan dan Tindakan Segera Penghapusan Bentuk-Bentuk Pekerjaan Terburuk untuk Buruh Kanak-Kanak
CLC	:	<i>Community Learning Center</i>
CRC	:	<i>Convention on The Right of The Child</i>
GDP	:	Gross Domestic Product
HIV	:	<i>Human Immunodeficiency Virus</i>
ICMC	:	<i>International Catholic Migration Commission</i>
IPEC	:	<i>International Programme on the Elimination of Child Labour</i>
IGO	:	<i>International Government Organization</i>
ILO	:	<i>International Labour Organization</i>
LC	:	<i>Learning Center</i>
LNG	:	<i>Liquified Natural Gas</i>
MPOA	:	<i>Malaysian Palm Oil Association</i>
MPT	:	Majelis Perbendaharaan Tawau
NGO	:	<i>Non Government Organization</i>
PATI	:	Pendatang Asing Tanpa Izin
PBB	:	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
RM	:	Ringgit Malaysia
SCA	:	<i>Sarawak Chines Association</i>
SD	:	Sekolah Dasar
SIC	:	<i>Sabah Indian Congress</i>
SIKK	:	Sekolah Indonesia Kota Kinabalu
SMP	:	Sekolah Menengah Pertama
SLO	:	<i>Sabah Labour Ordinance</i>
TKI	:	Tenaga Kerja Indonesia
UMS	:	Universiti Malaysia Sabah
UN	:	<i>United Nation</i>
UNDP	:	<i>United Nation Development Programme</i>
UNICEF	:	<i>The United Nations Children's Fund</i>
UNKO	:	<i>United National Kadazan Organization</i>
UPKO	:	<i>United Pasok Kadazan Organization</i>
USNO	:	<i>United Sabah National Organization</i>
UU	:	Undang-Undang
WFCL	:	<i>Worst Form of Child Labour</i>
5P	:	Pendaftaran, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kejatuhan Empayar Soviet pada tahun 1990an telah menyebabkan berlakunya perubahan yang besar dalam kajian politik antarabangsa. Seiring dengan itu, perdebatan dalam kajian keselamatan turut mengalami perubahan yang besar (Anthony, 2004). Pada era perang dingin, isu-isu keselamatan lebih memfokuskan kepada isu keselamatan negara (*State Security*). Sebaliknya, di era pasca perang dingin isu yang berkaitan dengan perlindungan keselamatan manusia (*Human Security*) lebih mendapat perhatian (Kaldor, 2001). Ini menunjukkan bahawa dalam konteks masa kini objek utama yang perlu diberi perhatian apabila memperkatakan mengenai kajian keselamatan adalah keselamatan manusia. Dalam era ini, isu mengenai keselamatan manusia dianggap lebih penting sehingga mengatasi masalah isu-isu global yang lain. Ini kerana, isu keselamatan manusia merangkumi ancaman kepada kehidupan manusia yang melibatkan isu politik, ekonomi, sosio budaya, dan persekitaran. Antara elemen yang sering diabaikan apabila mengupas isu ini adalah melihat bahawa kanak-kanak merupakan kumpulan yang paling terdedah kepada pelbagai bentuk ancaman.

Pada awalnya, perdebatan mengenai keselamatan manusia lebih tertumpu di negara-negara Barat seperti Kanada, Norway dan beberapa negara Asia terutamanya Jepun (Axworthy, 2001; Bajpai, 2001; Suhrke, 1999; Lodgaard, 2000; Sen, 2000; Ogata, 2001; Paris, 2001; Pauline Kerr, 2007; Acharya, 2002). Walau bagaimanapun, kebanyakan negara-negara Asia menganggap isu keselamatan manusia hanyalah salah satu konspirasi negara Barat untuk menyebarkan idea kapitalisme (Kristiadi, 2008). Walaupun terdapat keraguan mengenai aplikasi konsep ini dalam konteks Asia, namun isu-isu yang berkaitan dengan *people centered* yang menjadi idea utama dalam keselamatan manusia ini semakin meluas. Sebagai contoh, di Asia Tenggara ancaman terhadap keselamatan manusia semakin meningkat dalam berbagai isu seperti bencana alam (Tsunami di Aceh dan di Jepun,

gempa bumi di Yogyakarta, banjir dan letusan gunung berapi di Filipina dan Indonesia), isu Kesihatan (HIV/AIDS, selesema burung dan Sars), isu persekitaran (pencemaran udara dan penyahutan), isu keselamatan, hak asasi manusia, kebanjiran pendatang asing dan perdagangan manusia. Ekoran daripada isu-isu ini akhirnya menyebabkan wujudnya masalah buruh kanak-kanak (Kristiadi,2008).

Pada peringkat awal terutamanya semasa era Perang Dingin, isu yang melibatkan keselamatan manusia seperti isu buruh kanak-kanak tidak dianggap penting kerana kebanyakan usaha negara lebih tertumpu kepada hal-hal yang berkaitan dengan ketenteraan. Namun, setelah era Perang Dingin berakhir Pertubuhan Bangsa-Bangsa menekankan bahawa isu global telah berubah daripada tradisional kepada non tradisional, iaitu bukan saja bidang ketenteraan yang harus diutamakan namun isu persekitaran dan sosial harus turut dititik beratkan. Akhirnya, pada tahun 1990 buruh kanak-kanak muncul sebagai isu antarabangsa (global) dan mula mendapat perhatian yang serius terutama dari negara-negara besar seperti Amerika Syarikat dan beberapa Negara Eropah lain (Besell, 2010). Selain itu, isu ini juga sering diperdebatkan oleh negara-negara membangun kerana dianggap telah merendahkan martabat kanak-kanak selain menyebabkan gangguan kesihatan dan gangguan perkembangan intelektual kanak-kanak (UNICEF, 1997;Ray, 2004).

Definisi mengenai buruh kanak-kanak juga sesetengahnya masih mengalami kekeliruan. Dalam perbahasan antarabangsa terdapat perbezaan yang sering diperdebatkan antara buruh kanak-kanak "*child labour*" dengan anak yang bekerja "*child work*" (Jha, 2009). Istilah "*child work*" merujuk kepada sebarang pekerjaan yang dilakukan oleh kanak-kanak dengan imbalan keuntungan yang diperolehinya serta tidak mengganggu pertumbuhan mereka. Sementara istilah "*child labour*" pula merujuk kepada sebarang pekerjaan atau perkhidmatan yang dilakukan atau ditawarkan oleh buruh kanak-kanak sehingga mengganggu perkembangan kanak-kanak itu sendiri. Menurut Lieten (2002: 451), perbezaan buruh kanak-kanak dan kanak-kanak yang bekerja dapat dilihat daripada tiga konsep umum. Pertama, adalah kanak-kanak yang bekerja secara sambilan atau bermusim. Kerja kanak-kanak jenis ini lebih mudah dan tidak mengganggu pendidikan formal, perkembangan fizikal serta emosionalnya. Berbeza dengan konsep kedua, pekerjaan

kanak-kanak jenis ini haruslah tidak berbahaya dan tidak mempunyai sebarang kemungkinan yang mengganggu pendidikan kanak-kanak tersebut. Ketiga, merujuk kepada konvensyen ILO No.138 (1973) mengenai umur, jenis pekerjaan dan keadaan negara masing-masing (Lieten, 2002:451). Dalam kajian ini telah menekankan kepada kanak-kanak yang mengalami bentuk-bentuk ancaman dan eksploitasi serta kekurangan keperluan-keperluan asas yang dapat mengganggu pertumbuhan mereka sama ada secara fizikal dan mental.

Buruh kanak-kanak bekerja di pelbagai sektor sama ada dalam sektor formal mahupun sektor informal. Maklumat daripada Organisasi Perburuhan Antarabangsa (ILO) menunjukkan bahawa bentuk-bentuk pekerjaan yang dilakukan oleh buruh kanak-kanak adalah pelbagai termasuklah pekerjaan domestik (pembantu rumah tangga) perladangan, industri pembuatan karpet, kain dan kasut, perlombongan, buruh paksa, pelacuran dan pengedaran dadah (ILO *Understanding Child Domestic Labour and Response to it*, 2004).

ILO (2006a) melaporkan bahawa terdapat 218 juta buruh kanak-kanak di seluruh dunia yang berumur antara 15 hingga 17 tahun pada tahun 2004 (ILO IPEC *Emerging good Practices on Action to combat Child Domestic Labour in Kenya, Tanzania, Uganda and Zambia*, 2006a). Laporan tersebut mendapati bilangan buruh kanak-kanak yang bekerja dalam sektor berbahaya¹ adalah sebanyak 126 juta orang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 69 peratus bekerja dalam sektor perladangan dan 9 peratus lagi bekerja di sektor industri. Jumlah buruh kanak-kanak yang paling ramai adalah di Asia Pasifik iaitu berjumlah 122 juta orang. Sub

¹ Pekerjaan berbahaya bagi kanak-kanak iaitu aktiviti atau pekerjaan apapun yang menurut sifat dan jenisnya, mempunyai atau dapat menimbulkan impak yang dapat merugikan keselamatan, kesihatan fisik ataupun mental, atau perkembangan moral kanak-kanak. Bahaya juga dapat ditimbulkan oleh beban kerja yang berlebihan, kondisi fisik pekerjaan, dan/ata jam kerja walaupun aktiviti atau pekerjaan itu sendiri diketahui tidak berbahaya atau "selamat". Sedangkan bentuk-bentuk kerja berbahaya mengacu pada bentuk-bentuk yang disebutkan dalam ayat (a) sampai (d) Pasal 3 Konvensi ILO no. 182 yang menyatakan sebagai berikut:

- a) Seluruh bentuk perburuhan, seperti penjualan dan perdagangan anak, berhutang, perhambaan, dan kerja paksa atau wajib, termasuk pengambilan kanak-kanak secara paksa dan wajib untuk digunakan dalam konflik bersenjata;
- b) Penggunaan, penyediaan, atau penawaran seorang anak untuk pelacuran untuk produksi pornografi, atau untuk pertunjukan pornografi;
- c) Penggunaan, penyediaan, atau penawaran seorang anak untuk aktifitas legal khususnya untuk produksi dan perdagangan obat-obatan terlarang sebagaimana didefinisikan dalam pelbagai perjanjian dan konvensyen antarabangsa;
- d) Pekerjaan, yang karena sifatnya atau kerana persekitaran kawasan tersebut dilakukan mungkin akan merusak kesihatan, keselamatan, atau mental kanak-kanak.

Saharan Afrika pula menunjukkan bilangan buruh kanak-kanak kedua terbesar dengan jumlah 49.3 juta orang. Selanjutnya, diikuti oleh Amerika Latin yang berjumlah 5.7 juta orang. Selain itu, sebilangan besar buruh kanak-kanak juga terdapat di negara-negara industri atau negara-negara maju yang lain (ILO-IPEC *The End of Child Labour*, 2006b).

Kebanyakan kanak-kanak di Benua Afrika, beberapa kawasan di Nigeria seperti di Sangaru, Sangui, Nayala, Kassi dan beberapa kawasan lain telah berpisah dengan keluarga masing-masing seawal berumur 14 tahun lagi. Tujuannya adalah untuk mencari pekerjaan sebagai buruh akibat daripada desakan kemiskinan yang dihadapi. Sasaran migrasi atau penghijrahan kanak-kanak untuk tujuan mencari pekerjaan tidak hanya terhad di lingkungan dalam negara saja malah sebahagiannya sanggup menyeberangi sempadan negara lain. Dalam kalangan kanak-kanak tersebut ada yang berpisah secara sukarela dan ada yang dihalau keluar oleh ahli keluarga. Aktiviti penculikan dan penyeludupan kanak-kanak oleh agen penyeludup juga berlaku. Dalam kebanyakan kes, buruh kanak-kanak ini tidak lagi berpeluang untuk kembali ke tempat asal (kampung halaman) mereka setelah bekerja di tempat lain. Beberapa siri kejadian menunjukkan kanak-kanak yang telah diculik tidak dapat ditemui semula oleh keluarganya (ILO *Child Labour: Targeting the Intolerable*, 1996).

Memandangkan bahawa isu berkaitan buruh kanak-kanak ini semakin berleluasa, ianya tidak hanya wujud di bandar-bandar besar di Sabah, namun juga ternyata wujud di Sektor Perladangan kelapa sawit di Sabah. Oleh itu, melihat fenomena buruh kanak-kanak Indonesia di sektor perladangan kelapa sawit di Sabah yang dilihat daripada sudut pandangan keselamatan (keselamatan manusia). Kajian ini juga cuba melihat bahawa kanak-kanak merupakan objek yang perlu dititikberatkan apabila memperkatakan mengenai keselamatan manusia. Dalam hal ini, antara ancaman yang dihadapi oleh buruh kanak-kanak yang perlu diambil perhatian adalah seperti masalah kesihatan, keselamatan kerja, pendidikan dan keseimbangan makanan. Kajian ini cuba meletakkan buruh kanak-kanak sebagai objek yang merangkumi *freedom from want* mahupun *freedom from fear*. Oleh itu, kajian terhadap buruh kanak-kanak Indonesia di sektor perladangan kelapa sawit di

Sabah perlu dilakukan untuk mengetahui sejauh mana buruh kanak-kanak Indonesia di sektor perladangan kelapa sawit di Sabah ini menghadapi pelbagai ancaman keselamatan manusia.

1.2 Permasalahan Kajian

Konsep keselamatan manusia masih dipandang sebelah mata di dalam percaturan politik antarabangsa di Rantau Asia kerana masih dianggap sebagai konsep yang belum mampu menyelesaikan pelbagai persoalan isu non tradisional dalam keselamatan. Walhal, konsep keselamatan manusia ini wujud sebagai pembuktian bahawa konsep keselamatan pada masa Perang Dingin yang memperkatakan negara sebagai satu-satunya objek sudah tidak lagi relevan di masa sekarang terutama dalam memandangkan isu-isu yang berkaitan dengan kemanusiaan (*people centric*). Malahan, isu-isu yang berkaitan mengenai *people centric* dan keselamatan manusia semakin meluas di kawasan Asia ini seperti terorisme, kemiskinan, pemerdagangan dadah, pemerdagangan manusia termasuk buruh kanak-kanak. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melihat isu-isu non tradisional ini sebagai ancaman dan perlu segera ditindaklanjuti untuk menyelenggarakan keselamatan manusia di dunia (UNDP, 1994). Oleh itu, PBB melalui *United Nation Development Programme* (1994) mengeluarkan tujuh komponen utama (keselamatan peribadi, keselamatan kesihatan, keselamatan makanan, keselamatan ekonomi, keselamatan persekitaran, keselamatan masyarakat dan keselamatan politik) berkaitan dengan isu keselamatan manusia yang perlu diperhatikan dan diambil kira oleh setiap negara anggota PBB.

Isu-isu keselamatan terutamanya yang berkenaan dengan keselamatan manusia ini kian berkembang dan berleluasa pada masa kini, misalnya kelaparan, kemiskinan, pemerdagangan manusia, pemerdagangan perempuan dan kanak-kanak, penggunaan kanak-kanak dalam konflik bersenjata, terorisme, penyebaran penyakit menular dan penggunaan buruh kanak-kanak. Memandangkan pula isu buruh kanak-kanak merupakan salah satu isu penting dalam kajian keselamatan ini, kerana ianya juga merupakan salah satu objek rujukan, sehingga isu ini pun sepatutnya diambil kira dan diperhatikan. Memandangkan pula isu buruh kanak-kanak telah wujud hampir di seluruh dunia. Ianya tidak hanya wujud di negara-

negara maju seperti Amerika Syarikat, Cina, Rusia, dan negara-negara di Eropah, namun ternyata isu buruh kanak-kanak ini juga wujud di negara-negara membangun seperti Indonesia dan Malaysia.

Di Malaysia, terutamanya dalam konteks perekonomian di Sabah, ternyata mendapatkan sumbangan yang cukup besar dalam penggunaan tenaga kerja asing terutamanya Tenaga Kerja Indonesia (TKI) termasuk buruh kanak-kanak Indonesia dalam sektor perladangan kelapa sawit di Sabah. Isu buruh kanak-kanak Indonesia di sektor perladangan kelapa sawit di Sabah ini patut diperhatikan dan dikaji kerana ianya merupakan salah satu isu dalam keselamatan manusia yang merangkumi prinsip *freedom from fear* dan *freedom from want*. Dalam kajian ini, kedua prinsip tersebut merupakan asas dalam mengenal pasti ancaman yang berlaku ke atas manusia terutamanya buruh kanak-kanak Indonesia ini. Sememangnya buruh kanak-kanak Indonesia ini merupakan salah satu aktor penyumbang ekonomi dalam konteks perladangan di Sabah, namun juga pada masa yang sama kelompok lemah ini menghadapi pelbagai ancaman melbahaya sama ada secara fizikal dan mental.

Isu buruh kanak-kanak ini juga telah menjadi isu rentas sempadan yang sepatutnya perlu mendapatkan perhatian dari pelbagai pihak untuk melindungi keselamatan mereka sebagai manusia yang merangkumi aspek-aspek oleh UNDP. Pada masa yang sama pula, isu ini juga diberi perhatian oleh pelbagai organisasi antarabangsa seperti yang telah ditekankan oleh UNICEF tentang eksploitasi anak, konvensyen ILO No. 138 (1973) mengenai had umur buruh kanak-kanak di dunia dan Konvensyen ILO No. 182 (1999) mengenai jenis kerja terburuk daripada buruh kanak-kanak. Dengan adanya konvensyen tersebut di atas, sepatutnya negara-negara yang telah meratifikasi beberapa konvensyen ini (termasuk Indonesia dan Malaysia) bertanggung jawab dan melaksanakan obligasi untuk melindungi kanak-kanak yang terdapat di negara mereka. Namun, kenyataan terbukti sebaliknya, dimana fenomena buruh kanak-kanak ternyata masih berlaku di satu sektor perladangan iaitu sektor perladangan kelapa sawit di Sabah.

Isu buruh kanak-kanak ini tidak boleh diketepikan malah akan menjadi semakin parah jika tidak dibendung. Keselamatan buruh kanak-kanak Indonesia

tersebut perlu diambil kira sebagai salah satu bentuk perlindungan yang harus dititikberatkan oleh pihak-pihak tertentu. Keadaan ini perlu diperhatikan bagi melindungi dan memperkasakan kelompok yang lemah ini. Menurut ILO No. 182 (1999) mengenai *The Worst Form of Child Labour* menyebutkan tentang kawasan kerja yang merbahaya dan berisiko terhadap kanak-kanak antara lain seperti pertanian/ perkebunan/perladangan, konstruksi, pertambangan, perkapalan dan sektor perikanan. Apabila kanak-kanak ini berada dalam kawasan yang disebutkan di atas dan melakukan jenis kerja yang berisiko, hal ini tentu saja akan mendedahkan keselamatan mereka sebagai kanak-kanak. Memandangkan pula ancaman-ancaman tersebut dapat mengancam keselamatan sehingga mendedahkan mereka kepada ancaman yang merangkumi *freedom from want* mahupun *freedom from fear*.

Berkaitan mengenai prinsip *freedom from fear* dan *freedom from want* dalam kajian ini cuba dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti dan pengalaman buruh kanak-kanak agar dapat menjelaskan sejauh mana ancaman-ancaman yang telah berlaku ke atas buruh kanak-kanak Indonesia ini berlaku. Kajian ini juga cuba menggunakan aspek-aspek keselamatan manusia dalam UNDP (1994) iaitu: keselamatan kesihatan, keselamatan makanan, keselamatan peribadi, keselamatan ekonomi, keselamatan persekitaran keselamatan komuniti dan keselamatan politik agar dapat mengenali jenis-jenis ancaman dan eksploitasi yang dapat menjejaskan keselamatan ke atas kanak-kanak tersebut. Namun sebelum itu, kajian ini akan cuba mengetahui pelbagai penyebab yang menyebabkan wujudnya buruh kanak-kanak Indonesia di sektor perladangan kelapa sawit di Sabah ini. Melalui konsep ini, pengkaji akan menghuraikan faktor-faktor yang menyumbang kepada kewujudan buruh kanak-kanak di kawasan ladang kelapa sawit serta mengenalpasti bentuk-bentuk pengeksploitasian dan ancaman yang telah dilakukan kepada golongan ini. Pada masa yang sama, kajian ini cuba mengenalpasti pelbagai jenis kerja yang dilakukan oleh buruh kanak-kanak ini selama berada di dalam sektor perladangan kelapa sawit di Sabah. Disamping itu pula kajian ini mencuba mengupas dan menganalisis pelbagai upaya yang telah dilakukan pelbagai aktor yang memberi jaminan keselamatan dan perlindungan kepada buruh kanak-kanak tersebut. Seperti